



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN ANTARA ELEMEN-ELEMEN METAKOGNISI DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK MURID SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FONG CUI FUNG

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN ANTARA ELEMEN-ELEMEN METAKOGNISI DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK MURID SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR

FONG CUI FUNG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)

(MOD KERJA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

		<input checked="" type="checkbox"/>

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 10 (hari bulan) (bulan) 2021.

i. Perakuan pelajar:

Saya, FONG CUI FUNG(MJ0151000461) FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Hubungan Antara Elemen-elemen Metakognisi dengan Pencapaian Akademik Murid Sekolah Menengah Luar Bandar

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Hubungan Antara Elemen-elemen Metakognisi dengan Pencapaian Akademik Murid Sekolah Menengah Luar Bandar

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12/10/2021

Tarikh

Nurulhuda Md Hassan

Tandatangan Penyelia

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HUBUNGAN ANTARA ELEMEN-ELEMEN METAKOGNISI
DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK MURID SEKOLAH
MENENGAH LUAR BANDAR

No. Matrik / Matric's No.: M20151000461

Saya / I : FONG CUI FUNG

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berjurah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar / Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasm / Name & Official Stamp)

DR. NURUL HUDA MD HASSAN
Penyayarah Kanan
Jabatan Pengajian Pendidikan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkewajibhan/organisasi berkewenang dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya bersyukur kepada Tuhan kerana memberkati saya sepanjang masa sehingga saya dapat menyempurnakan tesis ini. Melalui ruangan ini, saya ingin merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Nurulhuda Md Hassan, di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan dalam penghasilan disertasi ini. Saya juga menujukan ucapan terima kasih kepada barisan pensyarah dan staf pengurusan di Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi berkongsi pengalaman dan memberi nasihat tentang disertasi saya sepanjang pengajian ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga buat semua profesor dan pensyarah yang telah mengajar dan membimbing saya sepanjang pengajian ini. Pada masa yang sama, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Jabatan Pendidikan Daerah Daro dan sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian kerana telah memberikan kebenaran kepada saya untuk melaksanakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujuhan kepada ibu bapa, ahli keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang memberi bantuan serta sokongan moral semasa saya berdepan dengan cabaran. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan disertasi ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kesedaran metakognisi dan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti hubungan antara elemen-elemen kesedaran metakognisi dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan dan melibatkan seramai 210 orang murid Tingkatan Empat dari empat buah sekolah menengah luar bandar di daerah Daro, Sarawak yang telah dipilih secara rawak berstrata. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah Inventori Kesedaran Metakognisi (MAI) yang dibangunkan oleh Schraw dan Dennison pada tahun 1994 yang terdiri daripada 52 item untuk mengkaji elemen-elemen metakognisi iaitu pengetahuan deklaratif, pengetahuan prosedural, pengetahuan kondisional, perancangan, strategi pengurusan maklumat, pemantauan kefahaman, strategi *debugging* dan penilaian. Pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar diukur menggunakan purata gred calon dalam Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS). Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan kesedaran metakognisi dan pencapaian akademik murid menengah sekolah luar bandar berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa strategi pengurusan maklumat dan penilaian mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar. Kesimpulannya, kesedaran metakognisi dan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar masih perlu ditingkatkan. Di samping itu, strategi pengurusan maklumat dan penilaian didapati memainkan peranan dalam meningkatkan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar. Sebagai implikasi, pengajaran yang menekankan pembinaan kesedaran metakognisi dan pencapaian akademik murid perlu dilaksanakan. Selain itu, murid sekolah menengah luar bandar juga perlu didekah dengan strategi-strategi pengurusan maklumat dan kemahiran penilaian sebagai usaha meningkatkan pencapaian akademik mereka.





RELATIONSHIP BETWEEN METACOGNITIVE AWARENESS AND ACADEMIC ACHIEVEMENT OF SECONDARY RURAL SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

This study is aimed to identify rural secondary school students' level of metacognitive awareness and academic achievement. This study is also aimed to identify the relationship between the elements of metacognitive awareness with academic achievement of rural secondary school students. This study used quantitative research method with survey design and involved 210 Form four students in Daro, Sarawak which were chosen using stratified random sampling method. The instruments used in this study was Metacognitive Awareness Inventory (MAI) designed by Schraw dan Dennison in 1994 consisted of 52 items to identify the elements of metacognition such as declarative knowledge, procedural knowledge conditional knowledge, cognitive regulation, planning, information management strategies, comprehension monitoring, debugging strategies and evaluation. The academic achievement of rural secondary school students was measured with GPA in SAPS. Data collected were then analyzed descriptively and inferential. Findings showed that rural secondary school students' level of metacognitive awareness and academic achievement were at moderate level. Findings also showed that there is a significant relationship between information management strategy and evaluation and rural secondary school students' academic achievement. As a conclusion, metacognitive awareness and rural secondary school students' academic achievement need to be improved. Besides that, information management strategy and evaluation were found to play important roles in improving rural secondary school students' academic performance. The study implicates that the rural secondary school students need to be exposed to information management strategy and evaluation skills as an effort to improve their academic achievement.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
-----------------	----

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
-------------------------------------	-----

PENGHARGAAN	v
--------------------	---

ABSTRAK	vii
----------------	-----

ABSTRACT	viii
-----------------	------

KANDUNGAN	vi
------------------	----



SENARAI RAJAH	xiii
----------------------	------

SENARAI SINGKATAN	xiv
--------------------------	-----

SENARAI LAMPIRAN	xv
-------------------------	----

BAB 1 PENGENALAN	1
-------------------------	---

1.1 Pendahuluan	1
-----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	3
---------------------------	---

1.3 Pernyataan Masalah	5
------------------------	---

1.4 Tujuan Kajian	10
-------------------	----

1.5 Objektif Kajian	10
---------------------	----

1.6 Persoalan Kajian	11
----------------------	----

1.7 Hipotesis Kajian	13
----------------------	----

1.8 Kerangka Konseptual Kajian	14
--------------------------------	----





1.9	Definisi Operasional	15
1.10	Batasan Kajian	17
1.11	Kepentingan Kajian	19
1.12	Rumusan	21

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	22
2.2	Kerangka Teori	23
2.2.1	Model Pemantauan Kognitif Flavell 1979	23
2.2.2	Model Metakognisi Brown 1987	27
2.2.3	Model Metakognisi Nelson dan Naren 1990	30
2.2.4	Teori Metakognisi Schraw dan Moshman 1995	31
2.2.5	Rumusan	33
2.3	Metakognisi	33
2.3.1	Pengetahuan kognisi	36
2.3.2	Regulasi Kognisi	38
2.3.3	Rumusan	41
2.4	Pencapaian Akademik Murid Sekolah Menengah Luar Bandar	42
2.4.1	Kajian-kajian tentang Pencapaian Murid Sekolah Menengah Luar Bandar	43
2.4.2	Rumusan	44
2.5	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Metakognisi	45
2.5.1	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Mekognisi di Luar Negara	45
2.5.2	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Mekognisi di Malaysia	48
2.5.3	Rumusan	50





2.6	Kesimpulan	51
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	52
3.1	Pendahuluan	52
3.2	Kaedah Kajian	52
3.3	Peserta Kajian	54
3.4	Instrumen	58
3.5	Kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen	61
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	62
3.7	Prosedur Analisis Data	64
3.8	Teknik Analisis Data	65
3.9	Kesimpulan	68
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	70
4.1	Pendahuluan	70
4.2	Ciri-Ciri Demografi Peserta Kajian	71
4.3	Kesedaran Metakognisi Sekolah Menengah	73
4.4	Pencapaian Akademik Murid Sekolah Menengah	100
4.5	Hubungan Elemen Metakognisi dengan Pencapaian Akademik Murid Sekolah Menengah	101
4.6	Sumbangan Elemen Metakognisi dengan Pencapaian Akademik Murid Sekolah Menengah	108
4.7	Kesimpulan	109
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	110
5.1	Pendahuluan	110
5.2	Ringkasan Kajian	111





5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	113
5.4	Implikasi Kajian	120
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	124
5.6	Kesimpulan	125
RUJUKAN		126
LAMPIRAN		136





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Pembahagian Murid Mengikut Teknik Persampelan Rawak Berstrata	49
3.2 Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi	50
3.3 Contoh Item Soal Selidik Inventori Kesedaran Metakognisi	54
3.4 Interpretasi skor min berkaitan tahap kesedaran metakognisi	60
3.5 Interpretasi Purata Gred Pelajar Dalam SAPS	61
4.1 Ciri-ciri Demografi Peserta Kajian	65
4.2 Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Pengetahuan Deklaratif	69
4.3 Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Pengetahuan Prosedural	72
4.4 Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Pengetahuan Kondisional	73
4.5 Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Perancangan	76
4.6 Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Strategi Pengurusan Maklumat	80
4.7 Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Pemantauan Pemahaman	83
4.8 Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Strategi Debugging	86
4.9 Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Penilaian	88
4.10 Min Keseluruhan Bagi Setiap Konstruk Kesedaran Metakognisi Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar	90
4.11 Nilai Gred Purata Keseluruhan Peserta Kajian	91
4.12 Analisis Hubungan Elemen Metakognisi dengan Pencapaian Akademik Peserta Kajian	92





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
------------------	-------------------

1.1 Kerangka Konseptual Kajian	14
--------------------------------	----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
UNESCO	The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
OECD	The Organisation for Economic Co-operation and Development
TIMSS	Trends in International Mathematics and Science Study
PISA	Programme for International Student Assessment
GPA	Grade Point Average
CGPA	Cumulative Grade Point Average
MAI	Inventori Kesedaran Metakognitif
SPSS	Statistical Packages for Social Science
UCLES	University of Cambridge Local Examinations Syndicate
BPPP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiV

SENARAI LAMPIRAN

A Soal Selidik Inventori Kesedaran Metakognisi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) telah dirangka oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan menghimpunkan dan mengambil kira banyak elemen yang diperoleh daripada pelbagai sumber seperti laporan hasil penyelidikan dan laporan pakar pendidikan daripada UNESCO, OECD, Bank Dunia serta enam daripada Institut Pengajian Tinggi Awam. Kajian yang dijalankan oleh KPM ini juga melibatkan pemimpin sekolah, guru, ibu bapa, murid, dan orang ramai di seluruh negara untuk menghasilkan PPPM 2013-2025.

Menurut KPM (2013), PPPM 2013 - 2025 menjelaskan tahap kualiti yang perlu ada pada setiap individu murid. Sistem pendidikan Malaysia berhasrat melahirkan murid yang berpengetahuan, mempunyai kemahiran berfikir,





berkemahiran dwibahasa, beretika dan kerohanian dan beridentiti nasional. Setiap murid diharapkan dapat belajar cara memperoleh ilmu pengetahuan sepanjang kehidupan mereka dengan menerapkan perasaan ingin tahu dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat untuk membolehkan mereka menghubungkan pelbagai disiplin ilmu dan mencipta ilmu yang baharu. Setiap murid diharapkan dapat menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif, serta inovatif. Penerapan kemahiran berfikir dalam murid-murid kurang diberi perhatian, oleh itu murid kurang berupaya untuk mengaplikasi ilmu pengetahuan dan berfikir secara kritis di luar konteks akademik. Murid pada zaman ini perlu diajar menjadi seseorang yang boleh menyelesaikan masalah dalam kehidupan harian selepas mereka meninggalkan zaman persekolahan (Perry, Lundie & Golder, 2018).



penambahbaikan sistem pendidikan sedia ada. Transformasi yang diharapkan oleh KPM dapat menggalakkan penglibatan pembelajaran aktif, terutama murid di luar bandar kerana penglibatan pembelajaran murid secara aktif merupakan petunjuk penyampaian pengajaran yang berkualiti.

Marjan (2018) juga menyatakan bahawa cara tradisional dalam pendidikan yang berpusatkan guru telah berubah kepada cara berpusatkan pembelajaran yang mengutamakan penglibatan murid secara aktif dan inovatif dalam pembelajaran. Murid juga perlu memberi pertimbangan terhadap semua aspek pembelajarannya.





1.2 Latar Belakang Kajian

Sebelas anjakan telah diperkenalkan oleh KPM (2013) sebagai usaha transformasi Pendidikan sistem Pendidikan negara. Jelas bahawa Malaysia berharap untuk melahirkan anak murid yang mampu bersaing di tahap antarabangsa kerana anjakan pertama ialah menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti yang bertaraf antarabangsa.

Menurut KPM, PPPM 2013-2025 telah menyatakan tumpuan pendidikan di Malaysia bukan hanya kepada kepentingan memperoleh ilmu pengetahuan, tetapi juga membangun kemahiran berfikir aras tinggi kerana penguasaan kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira tidak mencukupi untuk murid yang akan meninggalkan sekolah. Kemahiran berfikir aras tinggi berkait rapat dengan unsur metakognisi kerana kemahiran metakognitif merangkumi kemahiran seperti memindahkan maklumat dan menyelesaikan masalah (Somerville, 2017). Pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi berkait rapat dengan metakognisi, hal demikian adalah kerana menurut Sajna dan Premachandran (2016), metakognisi ialah satu kesedaran tentang pemikiran dan strategi yang digunakan supaya murid lebih sedar tentang apa yang telah mereka belajar dan bagaimana mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi yang berbeza.

Selain itu, Noor Hidayah Ibrahim dan Zanaton Iksan (2017) juga menyatakan bahawa fenomena kemerosotan pencapaian akademik murid dan ketidakupayaan murid untuk menguasai soalan yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi merupakan masalah yang perlu dipandang serius oleh semua pihak yang terlibat





dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kajian berkaitan pengintegrasian strategi metakognitif dalam proses pengajaran dan pembelajaran mungkin dapat menawarkan penjelasan kepada masalah ini. Rasha Abdellah (2015) dalam kajiannya juga menyatakan kepentingan kemahiran metakognitif dalam pencapaian akademik dan beliau menyatakan hasil penyelidikan banyak menunjukkan murid yang berprestasi tinggi dalam akademik menunjukkan tahap kesedaran metakognisi yang tinggi.

Kesedaran metakognisi sangat penting dalam proses pembelajaran dan perancangan dalam pembelajaran. Menurut Hargrove (2012), metakognisi dapat meningkatkan kemahiran berfikir kreatif murid dan menguasai pelbagai kemahiran kognitif seperti menaakul, berkemahiran berfikir kreatif and inovatif. Noor Hidayah Ibrahim dan Zanaton Iksan (2017) juga menyatakan bahawa murid yang menguasai strategi metakognitif dapat menyelesaikan pelbagai soalan, dilemma dan masalah yang berada di luar kebiasaan mereka.

Kajian mendapati bahawa kemahiran metakognisi juga memainkan peranan penting dalam pelbagai jenis aktiviti kognitif, pengaktifan kemahiran metakognisi ini mungkin mempengaruhi kemajuan pembelajaran. Metakognisi memainkan peranan kritikal dalam pembelajaran yang berkesan dan menekankan kepentingan untuk mengkaji aktiviti dan perkembangan metakognitif untuk mendapatkan cara murid boleh belajar dengan lebih berkesan dengan mengaplikasikan sumber kognitif melalui kawalan metakognitif. (Corebima Aloysius, 2015 ; Jain, Tiwari & Awasthi, 2017)





1.3 Penyataan Masalah

KPM (2013) telah mengemukakan isu yang menarik perhatian pengkaji dalam PPPM 2013-2025 iaitu pendidikan Malaysia menghadapi risiko secara relatif dan mutlak. Hal ini adalah kerana menurut laporan PPPM 2013-2015, sistem pendidikan negara lain dapat meningkatkan prestasi murid dengan lebih cepat dan mampu mengekalkan momentum tersebut secara berterusan. Chong, Wong dan Abdul Halim Abdullah (2016) juga menyokong pernyataan tersebut dengan mengatakan bahawa prestasi Malaysia tidak konsisten seperti yang ditunjukkan di salah satu pentaksiran antarangsan iaitu *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS). KPM (2013) menyatakan TIMSS dan PISA merupakan salah satu cara untuk membuat perbandingan kualiti keberhasilan secara langsung dengan negara-negara lain. Pencapaian murid-murid ditanda aras pada peringkat antarabangsa selain dari apda peperiksaan umum yang diadakan dalam negara. Oleh itu, isu jurang pencapaian antara sistem pendidikan Malaysia dan negara lain semakin lebar menjadi kebimbangan Kementerian Pendidikan Malaysia. Ketika PPPM 2013-2025 digubal, Malaysia berada pada sepertiga terbawah antara negara yang mengambil bahagian dalam pentaksiran antarabangsa PISA dan TIMSS dan keadaan ini mencetuskan kebimbangan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pada tahun 1999, Malaysia telah mengambil bahagian dalam TIMSS untuk kali pertama, skor purata murid mengatasi purata antarabangsa dalam Matematik dan Sains dan berada pada tempat ke-16 daripada 38 negara peserta dengan skor sebanyak 516. Malaysia mencatatkan pencapaian terbaik pada penyertaan TIMSS 1999. Selepas itu, Malaysia menunjukkan pencapaian yang menurun berturut-turut, sebanyak tiga





kitaran. Pada tahun 2003, Malaysia mendapat skor 508 dan berada pada kedudukan ke-10 daripada 50 negara peserta. Pada tahun 2007, Malaysia mendapat skor 474 dengan penurunan sebanyak 34 mata dan berada pada kedudukan ke-20 daripada 49 negara peserta.

TIMSS 2011 mempamerkan pencapaian yang paling rendah, skor menurun sebanyak 34 mata dan Malaysia berada pada kedudukan ke-26 daripada 42 negara peserta dengan skor 440. Penyertaan Malaysia pada tahun 2011 sangat membimbangkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, murid Malaysia menurun ke tahap di bawah purata antarabangsa bagi Matematik dan Sains, diikuti penurunan dari segi kedudukan negara. Lebih kritikal lagi, 35% murid gagal mencapai tahap kemahiran minimum dalam Matematik dan 38% murid Malaysia gagal mencapai tahap kemahiran minimum dalam Sains. Prestasi murid Malaysia menunjukkan penurunan dua hingga empat kali ganda iaitu daripada 7% dan 13% masing-masing pada tahun 1999.

Namun, pada tahun 2015, skor kembali meningkat sebanyak 25 mata dan Malaysia berada pada tempat ke-22 daripada 39 negara peserta dengan skor sebanyak 465. Walau bagaimanapun, pencapaian Malaysia dalam TIMSS 2015 masih di bawah tahap memuaskan dan perlu lebih banyak penambahbaikan kerana *TIMSS Scale Centerpoint* ialah 500. Pencapaian terbaik Malaysia adalah pada penyertaan pertama TIMSS 1999 dan menunjukkan pencapaian menurun berturut-turut sebanyak tiga kitaran. Pencapaian paling rendah adalah pada TIMSS 2011. Pencapaian terbaik Malaysia dalam sains ialah pada TIMSS 2003. Pencapaian kemudiannya merosot pada dua kitaran seterusnya iaitu pada TIMSS 2011 menyaksikan prestasi terendah





Malaysia (KPM, 2016). Pencapaian Malaysia menunjukkan peningkatan berbanding dengan pencapaian yang paling rendah pada tahun 2011 tetapi jauh daripada pencapaian terbaik yang catat pada tahun pertama penyertaan (Matematik) dan tahun 2003 (Sains).

Menurut Laporan Kebangsaan TIMSS 2019, berlaku penurunan yang tidak signifikan sebanyak 4 mata dalam TIMSS 2019 kepada 461. Skor ini adalah 4 mata lebih rendah berbanding pencapaian Matematik dalam TIMSS 2015. Namun, pencapaian tertinggi (764) murid TIMSS 2019 menunjukkan purata skor paling tinggi yang pernah dicatatkan setakat ini berbanding kitaran TIMSS sebelumnya. Laporan ini juga menyatrakan wujudnya jurang taburan pencapaian yang besar dalam kalangan pelajar terhadap mata pelajaran Matematik pada kitaran TIMSS 2019. Purata skor murid Malaysia dalam Sains bagi TIMSS 2019 adalah 460. Skor ini adalah lebih rendah berbanding TIMSS 2015 dengan perbezaan 11 mata. Namun begitu, seperti Matematik, dapatan kajian kali ini telah menunjukkan skor murid paling tinggi berbanding kitaran TIMSS pada tahun-tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, telah wujud jurang taburan skor murid yang besar dalam Sains.

Menurut KPM (2018) dalam pengumuman pencapaian PISA yang ditadbir setiap tiga tahun bagi mengukur sejauh mana murid berusia 15 tahun dan hampir meninggalkan alam persekolahan telah memperoleh pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang secukupnya sebagai persediaan untuk mereka menyertai masyarakat moden. Purata pencapaian Malaysia dalam Literasi Bacaan dengan 415 mata skor, Literasi Matematik (440 mata skor) dan Literasi Saintifik (438 mata skor) telah menunjukkan peningkatan berbanding pencapaian sebelum ini semasa di awal





penyertaan Malaysia dalam PISA 2009, juga di PISA 2012. Malaysia menunjukkan peningkatan baik, signifikan dalam ketiga-tiga literasi PISA walaupun purata global keseluruhan lebih rendah. Perubahan baik terutama dalam Matematik dan Sains berbanding dengan tahun 2009 dan 2012.

Tinjauan literatur menunjukkan terdapat hubungan antara metakognisi dengan pencapaian akademik (Medina, Castleberry & Persky, 2017; Perry, Lundie & Golder, 2018; Dang, Chiang, Brown & McDonald, 2018). Ohtani dan Hisasaka (2018) juga menyatakan metakognisi merupakan salah satu peramal yang paling signifikan dalam pencapaian akademik. Justeru, terdapat keperluan untuk mengkaji sumbangan elemen metakognisi dengan pencapaian akademik. Sajna dan Premachandran (2016) menyatakan metakognisi adalah penting kerana ia membantu murid menyedari apa yang mereka sedang buat, mengapa mereka berbuat demikian dan bagaimana mereka menggunakan kemahiran yang dipelajari dalam situasi yang lain. Mereka juga menjelaskan kepercayaan metakognitif, kesedaran metakognitif, pengetahuan metakognitif, pengalaman metakognitif, kemahiran metakognitif, kemahiran eksekutif, kemahiran berfikir aras tinggi adalah terma yang berkait rapat dengan metakognisi.

Corebima Aloysius (2015) juga berpendapat kemahiran metakognisi merupakan salah satu aspek dimensi pengetahuan dan kemahiran yang menarik untuk kajian lanjutan, namun kajian korelasi antara kemahiran metakognisi dengan hasil pembelajaran kognitif masih kurang. Menurut Kyairaniah Abu Hassan, Mohd Isa Hamzah dan Maimun Aqsha Lubis (2017), penguasaan kemahiran metakognitif ini telah diakui dan dibuktikan oleh ramai pengkaji boleh meningkatkan kemahiran berfikir murid dan menghasilkan peningkatan prestasi dalam pembelajaran. Tinjauan





literatur menunjukkan bahawa banyak pengkaji yang menjalankan kajian untuk membuat perbandingan antara sekolah bandar dengan luar bandar, namun masih tiada kajian yang dijalankan dalam bidang metakognisi ini dalam kalangan murid-murid di kawasan luar bandar.

Selain itu, banyak kajian tentang metakognisi yang telah dijalankan di luar negara seperti Hüseyin Öza (2016) dan Barış Çetin (2017) di Turki, Stepanou dan Mpiontini (2017) di Greec, Sajna dan Premachandran (2016) di India, Welch, Young, Johnson dan Lindsay (2018) di Australia, Langdon et al (2018) di Georgia dan banyak lagi kajian yang akan dibincangkan di bab yang seterusnya.

Di Malaysia, kajian tentang metakognisi yang dalam beberapa tahun ini ialah kajian yang dijalankan oleh Noor Hidayah Ibrahim dan Zanaton Iksan (2017) untuk mengenal pasti tahap kesedaran strategi metakognitif dan penguasaan KBAT dalam kalangan pelajar aliran sains serta hubungan antara kedua-duanya. Kyairaniah Abu Hassan, Mohd Isa Hamzah dan Maimun Aqsha Lubis (2017) menjalankan kajian untuk mengenal pasti Tahap Kemahiran Metakognitif Murid Sekolah Menengah Di Kawasan Felda Dalam Pembelajaran Pendidikan Islam.

Walaupun banyak kajian yang menunjukkan kesedaran metakognisi menyumbang dalam pencapaian akademik (Kyriakides, Anthimou & Panayiotou, 2020) , kebanyakan kajian yang dijalankan di Malaysia hanya mengkaji tahap kesedaran metakognitif responden atau hubungan kesedaran metakognitif dengan subjek tertentu dan kurang kajian yang menyelidik hubungan antara metakognisi dan pencapaian akademik. Kajian berkaitan kesedaran metakognisi juga jarang dijalankan





di kawasan luar bandar. Selain itu, kajian-kajian yang dijalankan tidak mengulas tentang hubungan setiap elemen dalam metakognisi. Kajian ini ingin meneruskan usaha untuk mengkaji hubungan elemen metakognisi dengan pencapaian akademik di satu kawasan luar bandar di Malaysia.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan antara elemen-elemen metakognisi dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah.



Objektif-objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti tahap kesedaran metakognisi murid sekolah menengah luar bandar
2. Mengenal pasti tahap pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar
3. Mengenal pasti hubungan antara elemen-elemen metakognisi dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar
 - a) Mengenal pasti hubungan antara pengetahuan deklaratif dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar
 - b) Mengenal pasti hubungan antara pengetahuan prosedural dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar



- c) Mengenal pasti hubungan antara pengetahuan kondisional dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar
- d) Mengenal pasti hubungan antara perancangan dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar luar bandar
- e) Mengenal pasti hubungan antara strategi pengurusan maklumat dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar
- f) Mengenal pasti hubungan antara pemantauan kefahaman dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar
- g) Mengenal pasti hubungan antara strategi *debugging* dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar
- h) Mengenal pasti hubungan antara penilaian dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan dalam kajian ini adalah:

1. Apakah tahap kesedaran metakognitif murid sekolah menengah luar bandar?
2. Apakah tahap pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar?
3. Adakah terdapat hubungan antara elemen-elemen metakognisi dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar?

- a) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan deklaratif dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar?
 - b) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan prosedural dengan pencapaian murid sekolah menengah luar bandar?
 - c) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan kondisional dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar?
 - d) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara perancangan dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar?
 - e) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pengurusan maklumat dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar?
 - f) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pemantauan kefahaman dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar?
 - g) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara strategi *debugging* dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar?
 - h) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar?
4. Berapakah sumbangan kolektif elemen-elemen metakognisi terhadap pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar?



1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis-hipotesis yang diuji dalam kajian ini adalah:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara metakognisi dengan pencapaian akademik.

H1(a) Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan deklaratif dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar.

H1(b) Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan prosedural dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar.

H1(c) Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan kondisional dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar.

H1(d) Terdapat hubungan yang signifikan antara perancangan dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar.

H1(e) Terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pengurusan maklumat dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar.

H1(f) Terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pemantauan kefahaman dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar.

H1(g) Terdapat hubungan yang signifikan antara strategi *debugging* dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar.

H1(h) Terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar.





1.8 Kerangka Konseptual


Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan elemen-elemen metakognisi dalam pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar. Berdasarkan tujuan ini, kajian ini terdapat dua pemboleh ubah iaitu metakognisi dan pencapaian akademik. Dalam kajian ini, pemboleh ubah bebas ialah metakognisi manakala pencapaian akademik adalah pemboleh ubah bersandar. Lapan pemboleh ubah bebas yang terlibat dalam kajian ini, iaitu elemen-elemen metakognisi seperti pengetahuan deklaratif, pengetahuan prosedural, pengetahuan kondisional, perancangan, strategi pengurusan maklumat, pemantauan kefahaman, strategi *debugging* dan penilaian. Pemboleh ubah bersandar, iaitu pencapaian akademik murid sekolah menengah diukur dalam gred purata murid dalam SAPS. Bagi pemboleh ubah bebas yang melibatkan lapan elemen dalam metakognisi, kajian ini merujuk Model Pemantauan Kogniti Flavell (1979), Model Metakognisi Brown 1987, Nelson dan Naren (1990), Schraw dan Moshman (1995) dan penilaian kesedaran metakognisi oleh Schraw dan Dennison (1994).

Menurut Schraw dan Dennison (1994), domain metakognisi dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu pengetahuan kognisi dan regulasi kognisi berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan metakognisi. Berdasarkan dua komponen utama dalam metakognisi, Schraw dan Dennison (1994) telah mengbina soal selidik *Metacognitive Awareness Inventory* (MAI) untuk mengkaji setiap komponen dengan lebih terperinci yang terkandung dalam pengetahuan kognisi dan regulasi kognisi. Menurut ulasan kajian-kajian lepas berkaitan metakognisi, Schraw dan Dennison (1994) menjelaskan pengetahuan kognisi melibatkan pengetahuan deklaratif,



prosedural dan kondisional (Flavell, 1987; Brown, 1987; Jacobs & Paris, 1987).

Manakala regulasi kognisi merupakan aspek kawalan dalam pembelajaran yang melibatkan cara pelajar membuat perancangan, strategi pengurusan maklumat, pemantauan kefahaman, strategi *debugging* dan penilaian (Artzt & Armour-Thomaz, 1992; Baker, 1989). Kerangka konseptual kajian ini ditunjukkan seperti Rajah 1.1 berikut.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Definisi Operasional

Istilah-istilah yang digunakan bagi mewakili pembolehubah-pembolehubah yang terdapat dalam kajian akan dijelaskan seperti berikut.



1.9.1 Metakognisi

University of Cambridge Local Examinations Syndicate atau dikenali sebagai UCLES (2017) menjelaskan metakognisi sebagai proses yang melibatkan pelajar merancang, memantau, menilai dan membuat perubahan terhadap tingkah laku pembelajaran mereka. “Meta”merujuk kepada kognisi beraras tinggi tentang kognisi atau pemikiran tentang pemikiran seseorang dan selalu dibahagikan kepada dua dimensi iaitu pengetahuan kognisi dan regulasi kognisi.

Metakognisi dalam kajian ini merujuk kepada lapan elemen dalam dua dimensi metakognisi iaitu pengetahuan kognisi dan regulasi kognisi. Tiga elemen dalam dimensi pengetahuan kognisi ialah pengetahuan deklaratif, pengetahuan prosedural dan pengetahuan kondisional manakala lima elemen dalam dimensi regulasi kognisi merangkumi perancangan, strategi pengurusan maklumat, pemantauan kefahaman , strategi *debugging* dan penilaian. Setiap elemen akan diuraikan dalam subtopik yang berikut.

1.9.2 Pengetahuan Kognisi

Pengetahuan kognisi merangkumi pengetahuan yang dimiliki pelajar tentang kebolehan kognisi mereka (contoh, saya menghadapi masalah mengingat nama orang), pengetahuan pelajar tentang tugas yang spesifik (contoh, idea yang kompleks disampaikan dalam petikan), pengetahuan pelajar tentang pelbagai strategi dan tahu





bila menggunakan strategi (contoh, saya memecahkan nombor telefon kepada beberapa bahagian supaya senang diingat) (Brown, 1987 & Flavell, 1979).

Schraw dan Moshman (1995) juga menjelaskan pengetahuan kognisi sebagai perolehan maklumat tentang proses pemikiran yang melibatkan proses pemantauan secara eksekutif. Keputusan-keputusan yang terlibat dalam proses ini termasuklah mengenal pasti perkara atau kerja yang sedang dilakukan, menyemak tahap kemajuan terkini ke atas usaha yang dilakukan, menilai kemajuan dan membuat ramalan tentang hasil pencapaian.

Definisi operasional bagi pengetahuan kognitif ialah jumlah skor yang dicapai oleh murid dalam item yang terkandung dalam dimensi pengetahuan kognisi, melibatkan pengetahuan deklaratif, pengetahuan prosedural dan pengetahuan kondisional.

1.9.3 Regulasi kognisi

Regulasi kognisi menjelaskan bagaimana murid memantau dan mengawal proses kognisi mereka. Contohnya, murid menyedari bahawa strategi yang digunakan tidak dapat menyelesaikan satu masalah matematik dan cuba untuk menggunakan strategi lain (Nelson & Narens, 1990). Regulasi kognisi ialah aktiviti yang membantu murid mengawal selia dan memantau dalam pembelajaran (Schraw & Moshman, 1995).





Definisi operasional bagi regulasi kognisi ialah jumlah skor yang dicapai oleh murid dalam item yang terkandung dalam dimensi regulasi kognitif, melibatkan perancangan, strategi pengurusan maklumat, pemantauan kefahaman, strategi *debugging* dan penilaian.

1.9.4 Pencapaian Akademik

Menurut York, Gibson dan Rankin (2018), pencapaian akademik merupakan satu ukuran kejayaan akademik, penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran, pemerolehan suatu ilmu, kemahiran dan mencapai hasil pembelajaran yang ditentukan.

Definisi operasional bagi pencapaian akademik dalam kajian ini ialah gred purata

murid dalam Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS). Gred purata murid ialah nilai pencapaian gred secara keseluruhan bagi semua mata pelajaran yang diduduki oleh seseorang murid dalam sesuatu peperiksaan. Rumus bagi pengiraan gred purata murid ialah markah keseluruhan bagi semua mata pelajaran yang diduduki oleh seseorang murid dibahagikan dengan bilangan mata pelajaran yang diduduki. SAPS ialah sistem analisis prestasi murid yang utama mengikut surat siaran yang dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran bertarikh 7 Jun 2011.





1.10 Batasan Kajian

Batasan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Peserta yang terlibat dengan kajian ini ialah murid Tingkatan Empat yang berumur 16 tahun pada kajian ini dijalankan. Kajian ini tidak melibatkan murid tingkatan lain (Tingkatan Satu, Tingkatan Dua, Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima). Maka, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada murid tingkatan lain.
- ii. Sekolah yang terlibat dalam kajian ini ialah sekolah menengah luar bandar, tidak melibatkan sekolah berasrama penuh, sekolah menengah agama, kolej teknik dan vokasional, sekolah-sekolah swasta dan Maktab Rendah Sains Mara. Maka, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada murid sekolah menengah yang bukan jenis sekolah menengah harian.
- iii. Kajian ini dijalankan di salah satu zon di salah satu daerah dari sebuah negeri di Malaysia atas sebab kekangan masa dan kewangan. Maka, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada murid-murid zon, daerah dan negeri lain.

1.11 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara elemen-elemen metakognisi dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar. Kajian ini diharapkan dapat memanfaatkan beberapa pihak seperti murid sekolah menengah, ibu bapa, guru-guru, sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia.





Pertama sekali, dapatan kajian ini diharapkan dapat menyediakan data dan maklumat yang berguna kepada murid sekolah menengah berkaitan dengan elemen metakognisi yang mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Murid-murid dapat mengetahui tahap kemahiran metakognisi mereka dan memberi perhatian terhadap perkara yang boleh membantu meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Kedua, dapatan kajian ini diharapkan dapat memanfaatkan pihak ibu bapa berkaitan maklumat yang dapat membantu untuk meningkatkan pencapaian akademik anak-anak mereka.

Selain itu, kajian ini juga berharap dapat membekalkan maklumat yang dapat membantu guru-guru di sekolah untuk memberi perhatian dalam meningkatkan metakognisi murid supaya dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka.



Di samping itu, kajian ini juga berharap dapat membekalkan maklumat kepada pihak sekolah untuk merancang program atau aktiviti akademik yang boleh meningkatkan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar.

Akhir sekali, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga diharapkan mendapat manfaat daripada kajian ini dari segi maklumat berkaitan metakognisi yang dimiliki oleh murid-murid. Dengan itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dapat memberi perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya untuk meningkatkan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar.





1.12 Rumusan

Dalam usaha melahirkan murid-murid yang berilmu pengetahuan, pencapaian akademik murid-murid perlu ditingkatkan. Kajian literatur menunjukkan elemen metakognisi mempengaruhi pencapaian akademik namun kajian dalam negara masih kurang dalam menerokai hubungan elemen metakognisi dengan pencapaian akademik. Tujuan kajian ini ialah mengenalpasti elemen metakognitif yang mempengaruhi pencapaian akademik. Dapatan kajian ini berharap mendatangkan manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat dalam usaha peningkatan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar.

